

# KOD ETIKA PERNIAGAAN



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**

[www.lada.gov.my](http://www.lada.gov.my)

# PERUTUSAN

Untuk muncul sebagai agensi Badan Berkanun yang terunggul dalam melaksanakan fungsi teras, LADA perlu beroperasi dengan standard etika yang tinggi tanpa sama sekali mengabaikan integriti. Amalan yang dilaksanakan mestilah berpandukan polisi serta prosedur-prosedur Jabatan dan keputusan yang dibuat perlu selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Kod Etika Perniagaan digubal bertujuan untuk menggariskan kelakuan yang boleh diterima pakai oleh seluruh warga kerja LADA dalam melaksanakan urusan organisasi. Justeru, kewujudan Kod Etika ini adalah penting bagi menyokong dan memandu usaha ke arah mengenal pasti dan menyelesaikan isu etika yang berpotensi dihadapi semasa menjalankan pengoperasian dan pentadbiran LADA.

Semua warga kerja LADA adalah tertakluk kepada Kod Etika ini dan perlu mengetahui, memahami dan mematuhi semua undang-undang yang dikuatkuasakan.

Pematuhan kepada Kod Etika ini akan membantu LADA untuk sentiasa mendokong dan memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada komuniti dan pemegang taruh LADA kelak.

Sekian, terima kasih.



**(DR. HEZRI ADNAN)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Langkawi

# PRAKATA

Kod Etika Perniagaan (KEP) LADA adalah terpakai kepada semua warga LADA. Piawaian yang ditetapkan hendaklah digunakan sebagai rujukan dan panduan, sebaliknya bukan bertujuan untuk menggantikan mana-mana prosedur atau peraturan-peraturan, atau mana-mana keperluan kawal selia atau undang-undang yang berkaitan sebagaimana diperuntukkan oleh pihak Kerajaan.

KEP LADA ini akan menerangkan standard etika perniagaan yang ditetapkan LADA dalam usaha ke arah mengenal pasti dan menyelesaikan isu etika yang berpotensi dihadapi semasa menjalankan pengoperasian harian LADA. Ini akan memastikan tadbir urus LADA sentiasa berada di tahap yang terbaik serta memacu LADA menjadi agensi peneraju pembangunan yang terunggul.

Warga LADA adalah digalakkan menyimpan KEP LADA ini dan merujuk kandungannya sekiranya mempunyai soalan mengenai satu situasi etika, perilaku yang wajar atau kepatuhan undang-undang.

Sekiranya warga LADA mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian berikut untuk bantuan:

- 1) Bahagian Pengurusan Aset – 04 9600 791/826
- 2) Unit Integriti – 04 9600 770/771

## **KOD ETIKA PERNIAGAAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**

### **1. Komitmen Kepada Integriti**

Kod Etika Perniagaan LADA merupakan asas kepada komitmen warga kerja terhadap integriti. Di mana sahaja dan dengan apa jua keadaan pengoperasian, LADA akan mematuhi:

1. Semua keperluan yang tertakluk kepada undang-undang dan arahan kerajaan yang berkuat kuasa; dan
2. Piawaian etika yang telah ditetapkan di dalam kod etika ini.

### **2. Warga Kerja**

LADA berusaha untuk membina pejabat yang kodunsif, selamat, profesional, rakan sekerja yang menyokong semangat berpasukan dan amanah. Setiap individu yang berkhidmat di LADA menyumbang kepada kejayaan LADA dalam mewujudkan satu agensi yang amat unik. Dengan kepelbagaian bakat, minda dan perspektif, LADA bakal mengilhamkan peluang yang lebih kreatif dan inovatif, selain merangsang peluang yang baharu bagi urus niaga LADA.

LADA senantiasa komited untuk mewujudkan persekitaran yang tidak mendiskriminasi kakitangan dan rakan perniagaan atas dasar jantina, umur, bangsa, agama serta budaya. LADA juga akan memberikan kerjasama dan perhatian terhadap kesatuan warga kerja bagi menjadi wakil mereka dalam rangka kerja perundangan dan peraturan yang sesuai.

### **3. Rakan Niaga**

LADA yakin bahawa hubungan perniagaan yang dibina berasaskan kepercayaan, tahap profesionalisme yang tinggi dan kepentingan bersama, bakal menjelmakan manfaat dan kebaikan kepada kedua-dua pihak. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi mewujudkan kepentingan bersama dengan memahami segala keperluan pelanggan,

kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan LADA dan dengan penuh amanah, tanggungjawab, telus serta adil.

Kejayaan dalam negara dan di peringkat antarabangsa yang berterusan bergantung kepada persaingan agresif dan kompetitif, secara adil dan mematuhi undang-undang sepenuhnya.

### **3.1. Hadiah dan Hiburan**

LADA menggariskan polisi yang ketat berkaitan unsur penerimaan yang berbentuk Hadiah dan Hiburan, khusus kepada semua warga kerja LADA dalam apa-apa jua situasi. LADA mematuhi dasar “Polisi Tiada Hadiah” untuk semua peraturan kerajaan yang berkuatkuasa serta selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun. Dalam situasi perniagaan lain, kod peraturan ditetapkan untuk tiada sebarang unsur pemberian hadiah dan turut menetapkan nilai nominal untuk sesetengah majlis pemberian hadiah mengikut budaya tempatan. Pertukaran hadiah dan hiburan boleh membina muhibah dalam hubungan perniagaan, walau bagaimanapun sesetengah hadiah dan hiburan boleh mewujudkan pengaruh yang tidak wajar, malahan boleh ditafsirkan sebagai rasuah yang akan merosakkan reputasi LADA akibat pelanggaran undang-undang dan peraturan berkaitan.

### **3.2. Konflik Kepentingan**

LADA amat menghormati privasi warga kerjanya. Oleh hal yang demikian, LADA mengambil pendekatan untuk memberikan ruang hal-hal peribadi warga kerjanya. Walau bagaimanapun, aktiviti yang berkait dengan elemen sosial, kewangan dan politik warga kerjanya, yang berpotensi mengganggu kesetiaan dan fokus terhadap bidang tugas di LADA selain mewujudkan konflik kepentingan, harus diselesaikan dengan berkesan. Kemunculan konflik kepentingan akan membahayakan banyak pihak dan wujud dalam pelbagai cara. Berikut merupakan contoh sebahagian dengan pekerjaan dan hubungan di luar yang boleh menimbulkan konflik kepentingan:

- i. Pekerjaan kedua;
- ii. Berkhidmat sebagai pengarah dan perunding di syarikat milikan LADA atau syarikat lain;
- iii. Menjaga kepentingan kewangan (sama ada secara langsung atau melalui pasangan atau saudara terdekat); dan
- iv. Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di LADA.

Mana-mana yang di atas berkaitan dengan syarikat, pelanggan atau pengedar barangan dan perkhidmatan untuk LADA berkemungkinan menimbulkan kepentingan konflik, atau kemunculan kepentingan konflik. Justeru, deklarasi sendiri konflik kepentingan hendaklah dilakukan bagi mengelakkan keputusan yang tidak wajar atau berat sebelah dalam perihal LADA seperti hal-hal berkaitan perolehan, tata tertib, kewangan, aset, pengurusan projek, pengurusan sumber manusia dan lain-lain.

#### **4. Aset LADA dan Integriti Kewangan**

LADA mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang sah untuk melindungi aset fizikal, harta intelektual dan aset kewangan sendiri. LADA beriltizam untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa termasuk *Generally Accepted Accounting Principles (GAAP)* dalam setiap bidang kuasa ketika LADA beroperasi. LADA juga akan sentiasa berterus terang dan telus mengenai operasi dan prestasi LADA, tepat dalam rekod laporan data dan keputusan serta berhati-hati dalam penggunaan aset dan sumber kerajaan. Malahan, dokumen dan rekod rasmi kerajaan turut akan disimpan mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

#### **5. Kerajaan, Rakan Perniagaan dan Masyarakat**

LADA berazam bahawa masyarakat di mana LADA beroperasi harus mendapat manfaat daripada kehadiran LADA, melalui kekayaan dan pekerjaan yang diwujudkan, kemahiran yang dibangunkan dalam kalangan penduduk tempatan dan pelaburan masa dan wang LADA kepada komuniti. LADA akan berusaha ke arah

penambahbaikan yang boleh diukur dan menyumbang kepada pertumbuhan sebenar, pertumbuhan sendiri daripada komuniti di lokasi LADA beroperasi.

LADA tidak akan terlibat dalam rasuah atau penyelewengan dalam apa jua bentuk. Rasuah adalah musuh pembangunan dan kemajuan manusia, dan LADA komited kepada ketelusan dalam semua urusan LADA.

LADA akan melibatkan diri dengan semua entiti Kerajaan di dalam bidang kuasa LADA beroperasi. LADA tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik, dan tidak akan membuat sebarang sumbangan politik di mana-mana lokasi.

## **6. Komunikasi Luar – Pelabur, Penganalisa dan Media**

Komunikasi luar bersama pelabur, penganalisa mahupun media memerlukan pertimbangan yang teliti dan memerlukan pemahaman yang unik berhubung isu undang-undang dan media. Hanya warga kerja khusus yang diberikan kuasa boleh bertindak balas kepada pertanyaan daripada komuniti pelaburan (contohnya pemegang taruh, media dan lain-lain).

## **7. Kesihatan, Keselamatan, Perlindungan dan Alam Sekitar**

LADA komited untuk menyediakan setiap warga kerja dengan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin serta bebas risiko ancaman keselamatan, kesihatan pekerjaan, serta mengambil perhatian terhadap aspek kelestarian dan alam sekitar.

LADA sedar bahawa operasi yang selamat bukan sahaja bergantung kepada keadaan dan peralatan yang baik, tetapi juga warga kerja yang berwibawa dengan pembudayaan *Health, Safety, Security & Environment* (HSSE) yang aktif.

Hanya mematuhi peraturan keselamatan sahaja tidak mencukupi. Komitmen LADA untuk keselamatan bermakna setiap daripada warga kerja perlu sentiasa berwaspada terhadap risiko keselamatan apabila menjalankan tugas.

Di mana sahaja LADA beroperasi, LADA akan berusaha untuk mengurangkan apa-apa kerosakan kepada alam sekitar yang timbul daripada aktiviti LADA.

## **8. Penutup**

- 8.1. Warga LADA perlulah sentiasa mempunyai tahap integriti yang tinggi demi memastikan imej LADA sentiasa terjaga.
- 8.2. Pengurus Bahagian, Ketua Unit serta Penyelia perlu bertanggungjawab untuk memastikan warga LADA mematuhi peraturan ini.
- 8.3. KEP LADA ini perlu dibaca bersama Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] serta lain-lain peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.